



IDERN Cetus Pembaharuan Pengajaran Pelajar Pasca Siswazah



Naib Canselor UPM (kiri) merasmikan program IDERN 2010.

SERDANG, 21 April - International Conference On Doctorial Education (IDERN 2010) menyediakan platform setaraf dunia untuk perkongsian idea dan pembaharuan mengenai aspek pengajaran dan pembelajaran dalam kalangan pelajar pasca siswazah (Master & PhD).

Naib Canselor UPM, Prof. Datuk. Dr. Nik Mustapha R. Abdullah berkata konferen bertemakan 'Connecting the Local, Regional and International in Doctorial Education' itu memperbaiki kualiti kaedah asas dalam penyelidikan yang sedang dijalankan oleh pelajar pasca siswazah.

"Konferen ini menyediakan ruang perbincangan antara pentadbir, penyelidik, pendidik dan pengamal pengajian dan pembelajaran dalam penyelidikan secara efektif selaras dengan era globalisasi masa kini.

"Komunikasi dua hala antara pelajar dan pakar bidang berkaitan mengenai pandangan baru dan permasalahan penyelidikan masa kini akan merapatkan jaringan dengan penyelidik universiti antarabangsa serta memahami silang budaya dengan perkongsian ilmu masing-masing," katanya pada majlis perasmian IDERN 2010 di sini.

IDERN 2010 yang dianjurkan oleh Pejabat Naib Canselor (Akademik dan Antarabangsa) dan Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi UPM memfokuskan secara meluas pendidikan pasca siswazah bagi mengenal pasti isu melibatkan 'cross-national' dan 'cross cultural', kritikan teori serta prospektif metodologi yang berkaitan isu pasca siswazah.

Konferen juga memberi pendekatan kepada peserta menerokai ilmu mengenai implikasi dalam penyelidikan dan penerbitan dalam menghasilkan penyelidikan dan pembangunan berkaitan dengan penyediaan pengajaran terkini.



Naib Canselor UPM menyampaikan ucapan perasmian program tersebut.

**Berita ini disediakan oleh Seksyen Media, Bahagian Komunikasi Korporat UPM.
(Noor Eszereen Juferi, 03-89466013/Fotografi Marina Ismail,89466199).**

Hak Cipta Terpelihara 2007
Universiti Putra Malaysia